

UMP, PahangFM dekati komuniti

KUANTAN 1 April - Lebih 60 penuntut dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang turun padang menjayakan Program Kembara Pahang FM di Bukit Fraser, Raub dekat sini baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama dua hari itu bertujuan mendekati masyarakat dengan melakukan pelbagai aktiviti sepanjang berkampung di sana.

Selain PahangFM, universiti itu juga turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser bersempena kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Program dimulakan dengan acara sebelah malamnya iaitu ceramah agama dan keesokannya diikuti acara lain seperti golf mini, mema-

nah dan sukan rakyat.

Turut diadakan ialah kem motivasi kepada pelajar sekolah dan pertandingan melukis selain masyarakat setempat dihiburkan dengan persesembahan Kombo RTM Pahang yang menampilkan dua artis terkenal iaitu Haziq dan Haiza.

Majlis perasmian program itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Professor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin yang turut melancarkan arca tanda UMP di Bukit Fraser.

Yang turut hadir Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Pahang, Nasrul Hakim Md. Noh.

Menurut Yuserrie, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah institusi

pengajian tinggi awam (IPTA) dalam kalangan masyarakat di situ.

"Program kali ini juga mendukung tiga objektif utama iaitu memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti, menyuburkan hubungan harmoni antara UMP dengan media dan masyarakat melalui perkongsian pintar dalam mempromosikan jenama UMP sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama," katanya.

Katanya, program itu juga turut disertai tiga penuntut antarabangsa iaitu Roland Speer, Phillip Acke erle dan Dominik Sturzekarn dari Reutlingen University Jerman yang kini mengikuti program pertukaran penuntut selama satu semester di Fakulti Teknologi di UMP.



TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin (tujuh dari kanan) melancarkan arca tanda UMP dalam program Kembara Pahang FM bersama universiti itu di Bukit Fraser baru-baru ini.